

Oleh Jauhariatul Akmal Johar
am@hmetro.com.my
Rantau Panjang

Beberapa kampung di kawasan rendah, di sini, mula dinaiki air berikutan peningkatan paras air Sungai Golok, sejak kelmarin.

Antaranya ialah berhampiran Jalan Rantau Panjang Lama, di sini iaitu Kampung Banggol Nyiur, Kampung Lanchang, Kampung Kelawai, Kampung Tersang, Kampung Bongor dan Kampung Jejawi.

Dua perkampungan iaitu Kampung Tasek Bakong dan Kampung Putat Tujuh pula terputus jalan masuk sejak seminggu lalu disebabkan limpahan air Sungai Tasik Garu menyebabkan penduduk terpaksa menggunakan laluan alternatif yang lebih jauh untuk ke rumah mereka.

Tinjauan mendapati kebanyakan rumah penduduk mula digenangi air sehingga paras betis dan beberapa laluan di kawasan rendah sudah tidak boleh dilalui kerana deriaan ringan.

Mohd Yusof Adam, 40, dari Kampung Lanchang berkata, halaman rumahnya mula dinaiki air sejak petang kelmarin berikutan limpahan air Sungai Lanchang dan Sungai Golok biarpun cuaca panas.

Katanya, beliau dan keluarga belum bercadang ber-



SEORANG remaja memunggah buah kelapa sawit menggunakan perahu selepas laluan utama menghubungkan Kampung Lanchang dan Kampung Bongor ditenggelami air.

FOTO: JAUHARIATUL AKMAL JOHAR

"Kami semua memang maklum mengenai banjir dan setiap rumah dilengkapi sampan berenjin"
Mohd Yusof Adam

Sungai mula melimpah

■ Banyak kampung dekat Sungai Golok dinaiki air

pindah kerana keadaan tidak membahayakan.

Malah, katanya, sebelum ini tidak pernah berpindah ke pusat pemindahan banjir

sementara, sebaliknya lebih selesa menumpang di rumah ahli keluarga terdekat yang berada di kawasan tinggi jika keadaan mendesak.

"Kebanyakan penduduk di kawasan ini tidak berpindah kecuali jika keadaan bahaya, namun kami semua memang maklum mengenai

banjir dan setiap rumah dilengkapi sampan berenjin yang akan digunakan untuk menyelamatkan anggota keluarga," katanya.

Bagi Mahizan Manaf, 30, dari Kampung Tersang Dalam pula, bencana alam itu setiap tahun dilaluinya disebabkan kediamannya terletak di kawasan rendah, iaitu antara laluan menghubungkan Kampung Lanchang dan Kampung Bongor.

"Sepanjang lapan tahun mendiami rumah di bawah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) ini, saya hanya akan berpindah ke rumah emak yang terletak tidak jauh dari sini jika keadaan membahayakan.

"Selebihnya, jika air naik sedikit-sikit, saya akan pastikan ahli keluarga selamat dan barang ditempatkan di kawasan tinggi," katanya yang bersedia pindah sekiranya keadaan memerlukan.

Sebelum ini, Mahizan berkata, rumahnya pernah dinaiki air mencecah lebih 1.5 meter dan perubahan Monsun Timur Laut yang berlaku kini menyebabkan dia sekeluarga melakukan persiapan awal termasuk mengangkat barang berharga dan perkakas rumah ke pangkin yang disediakan.

Bersiap sedia untuk berpindah

Kota Bharu: Penduduk yang tinggal di sepanjang Sungai Golok khususnya di Rantau Panjang diminta bersiap sedia berpindah jika diperlukan berikutan paras air sungai itu yang sudah melepasi tanda amaran.

Pemangku Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kelantan Mohd Rizal Hasmarli Hashim berkata, pihaknya sedang memantau keadaan, disebabkan musim Monsun Timur Laut yang baru bermula dan penduduk diingatkan supaya berjaga-jaga.

"Taburan hujan meningkat di kawasan berkenaan berikutan perubahan monsun dan Kelantan kini sudah memasuki peringkat musim tengkujuh yang menyebabkan air Sungai Golok juga meningkat kepada paras

amaran.

"Atas faktor keselamatan, MKN mahu penduduk terutama yang tinggal di sepanjang sungai itu mengambil langkah berjaga-jaga dan mengikut arahan supaya berpindah ke pusat pemindahan sementara, sekiranya rumah mereka ditenggelami air," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Mohd Rizal Hasmarli berkata, ketika ini tiada lagi pusat pemindahan sementara dibuka disebabkan air bah yang tidak memasuki kediaman penduduk, sebaliknya hanya memenuhi kawasan pekarangan rumah.

Bagaimanapun, katanya, MKN dengan kerjasama agensi berkuasa lain akan bertindak segera sekiranya keadaan semakin meruncing.

Sementara itu, bacaan paras air Sungai Golok, Rantau Panjang sehingga jam 5 petang semalam yang direkodkan laman sesawang Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) adalah pada paras 8.61 meter iaitu 0.39 meter melepasi zon bahaya.

Dalam perkembangan berkaitan, Pegawai Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang Zaimi Samat berkata, seramai 27 anggota sudah dipersiapkan dengan kemahiran dan pengetahuan berdepan bencana banjir, sejak kelmarin.

Beliau berkata, sebanyak enam bot berenjin, tiga jentera, dua van dan masing-masing sebuah lori lima tan serta pacuan empat roda akan digunakan bagi operasi mencari dan menyelamatkan sepanjang bencana itu.

Justeru, katanya, penduduk yang memerlukan bantuan penyelamatan dan urusan pemindahan ke pusat pemindahan sementara boleh menghubungi pihaknya menerusi talian 09-795 0444.



ZAIMI menunjukkan bacaan paras air Sungai Golok berhampiran Pusat Hidrologi JPS di Kedai Lama.